

Muzakarah beri gambaran jelas perundangan Islam

Bangi: Muzakarah Ulama: Fiqh Muwatanah (kewarganegaraan) mampu membuka ruang kepada rakyat Malaysia termasuk golongan bukan Islam memahami sejauh mana Piagam Madinah boleh diterapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata beliau melihat muzakarah berkenaan mampu memberi gambaran lebih jelas kepada umat Islam dan bukan Muslim di Malaysia mengenai kebaikan sistem perundangan dan perlembagaan Islam.

Beliau berkata, muzakarah berkenaan antara lain menyentuh hak dan kedudukan orang bukan Islam dan isu kewarganegaraan mengikut perlembagaan sesebuah negara Islam.

"Bagi saya, forum ini adalah satu titik permulaan dan perlu diteruskan bagi memberi kefahaman dan akhirnya natijah (resolusi) dalam merumuskan isu berkaitan dengan sistem perundangan Islam khususnya dari aspek fiqh muwata-



Antara gelagat peserta pada Muzakarah Ulama: Fiqh Muwatanah.

nah dan perlembagaan, insya-Allah.

"Selepas ia dihadam (diperhalusi) oleh ulama dan ilmunan Islam menerusi muzakarah ini sebaik mungkin, saya harap isu ini dapat dikongsi bersama dengan golongan bukan muslim.

"Saya harap forum ini dapat

memberikan satu natijah yang baik terutama gambaran sebenar mengenai perlembagaan Islam dan fiqh muwatanah mengikut acuan syariat Islamiah dan sesuai perkembangan semasa masa kini," katanya.

Muzakarah sehari berkenaan disertai hampir 30 ahli panel terdiri daripada golongan

ulama, ahli akademik dan ilmunan Islam termasuk Mufti Terengganu, Datuk Dr Zulkifli Muda dan Pengerusi Majlis Ulama ISMA, Dr Aznan Hasan.

Isu fahaman humanism

Sementara itu, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) melahirkan kebimbangan mengenai ancaman penyebaran fahaman humanism dalam kalangan umat Islam di Malaysia sekarang.

Presiden ISMA, Abdullah Zaik Abd Rahman, ketika mendedahkan perkara itu, berkata gerakan itu antara lain mempromosikan kebebasan hak asasi dan cara hidup tanpa sebarang agama.

Katanya, gerakan itu juga menegaskan bahawa semua agama ialah sama dengan mempromosikan pendekatan seperti 'Malaysian Malaysia' seperti diamalkan di negara demokratik-liberal.

"Kita bimbang ia akan mengambil tempat agama, sekaligus memberi implikasi negatif kerana ketika ini sudah ramai umat Islam di Malaysia yang terpengaruh dengan fahaman liberal dan sekular.

"Keadaan itu menyebabkan umat Islam di Malaysia lebih senang untuk diperalatkan oleh musuh Islam terutama Yahudi dan Nasarani," katanya ketika berucap di Muzakarah Ulama: Fiqh Muwatanah di **UKM** di sini.